

## SunCon sasar kontrak RM2b tahun ini

**Sunway** Construction Group Bhd (SunCon) menasarkan untuk meraih tempahan kontrak berjumlah RM2 bilion pada tahun ini.

Sehingga kini, syarikat pembinaan itu secara keseluruhanya meraih kontrak RM688 juta termasuk dua tender baharu bernilai RM175 juta.

Dua tender baharu itu ialah cadangan pembinaan kampus baharu untuk projek Sekolah Antarabangsa Sunway bernilai RM120 juta dan kerja mekanikal, elektrikal dan perpaipan untuk projek stesen bawah tanah Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) - Chan Sow Lin bernilai RM54 juta.

Selain itu, syarikat sudah meraih kontrak terbesarnya untuk suku pertama lalu iaitu projek pembinaan lebuh raya sepanjang 36.75 kilometer di India bernilai RM508 juta.

Pengarah Urusan SunCon, Chung Soo Kiong, berkata dengan kedudukan tunai bersih kumpulan kukuh dan langkah kawalan kos yang ketat, pihaknya optimis untuk mengatasi tempoh mencabar ketika ini.